



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN KHAS KELAPA 2024



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN KHAS

KELAPA

2024

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbit dan dicetak oleh
Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM15.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-938-4

KATA PENGANTAR

Laporan Khas Kelapa 2024 ini memaparkan statistik terkini komoditi kelapa. Laporan ini juga merupakan penerbitan yang julung-julung kali diterbitkan sempena Banci Pertanian 2024 yang disusun berdasarkan data dan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Jabatan Pertanian Malaysia.

Penerbitan ini membentangkan statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Kelapa yang meliputi pengeluaran, kadar kebergantungan import, pembekalan penggunaan per kapita dan kadar sara diri. Selain itu, ia turut memaparkan data perdagangan serta harga di peringkat rantaian bekalan makanan. Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan perancangan strategik.

Penerbitan ini dibahagikan kepada lima (5) bahagian. Bahagian pertama memaparkan statistik sepintas lalu, diikuti dengan pengenalan kepada kelapa dan rencana di bahagian kedua. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi data dan statistik kelapa. Bahagian seterusnya mengandungi jadual terperinci, manakala bahagian terakhir merangkumi aspek teknikal termasuk skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2025

KANDUNGAN

KOMODITI KELAPA

01	Sepintas Lalu	3
02	Pengenalan	
	• Jenis kelapa tempatan di Malaysia	10
	• Kos pengeluaran kelapa	11
	• Keluasan bertanam, keluasan berhasil dan pengeluaran kelapa di Malaysia	12
03	Rencana	15
04	Data dan Statistik Utama Kelapa	
	• Pengeluaran, kadar kebergantungan import (IDR), penggunaan per kapita (PCC) dan kadar sara diri (SSR)	27
	• Perdagangan kelapa (2010-2024)	28
	• Purata harga kelapa	41
	• Isu bekalan dan harga	43
05	Jadual	49
06	Nota Teknikal	63

KANDUNGAN

KOMODITI KELAPA

Senarai Jadual

Jadual		Muka surat
1	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Kelapa, Malaysia (2010-2023)	49
2	Kuantiti dan Nilai Import Tahunan (2010-2024)	50
3	Kuantiti dan Nilai Eksport Tahunan (2010-2024)	53
4	Negara Pengimport Utama Kelapa kepada Malaysia (2010-2024)	56
5	Negara Pengeksport Utama Kelapa kepada Malaysia (2010-2024)	58
6	Purata Harga Item Kelapa di Peringkat Ladang dan Runcit (2020-2024)	60




SEPINTAS LALU



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA


LAPORAN KHAS KELAPA 2024

PENGELUARAN, IDR & SSR 2019-2023



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGUNAAN PER KAPITA, PCC 2019-2023



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

NEGARA PERDAGANGAN UTAMA KELAPA MALAYSIA

Negara Import

Negara Eksport

Indonesia



2024^a : 304,847.2 mt
2023 : 270,410.9 mt
2022 : 249,775.9 mt

Singapore



2024^a : 7,962.9 mt
2023 : 8,376.6 mt
2022 : 12,214.3 mt

Thailand



2024^a : 507.5 mt
2023 : 1,316.6 mt
2022 : 2,275.0 mt

China




2024^a : 96.4 mt
2023 : 74.2 mt
2022 : 294.5 mt

Viet Nam



2024^a : 29.7 mt
2023 : 6.5 mt
2022 : 15.8 mt

Brunei



2024^a : 6.2 mt
2023 : 34.3 mt
2022 : 25.6 mt

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
mt= tan metrik a: awalan

HARGA PURATA KELAPA DI PERINGKAT LADANG & RUNCIT

Ladang

Kelapa Muda (per biji)

2024 : RM1.89
2023 : RM1.83

Kelapa Dikupas (per biji)

2024 : RM1.31
2023 : RM1.21

Runcit

Kelapa Parut (per biji)

2024 : RM8.33
2023 : RM8.02

Santan Segar (kg)


2024 : RM11.54
2023 : RM11.09

Santan Cecair Kotak (200 ml)


2024 : RM3.02
2023 : RM2.99

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

IMPORT TAHUNAN 2019-2024^a




EKSPORT TAHUNAN 2019-2024^a



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

NEGARA PENGELUAR KELAPA UTAMA DUNIA 2024



Sumber : Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database 2024



@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGAN DAN KEMAMPUAN



MALAYSIA
MADANI
keajaibannya

ODIN
2024-2026
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
BERSAMA PERANGKAAAN
DIDUNIA



2016 - 2030



PENGENALAN

PENGENALAN

Sektor Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Sektor pertanian merupakan antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di Malaysia dan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1970-an hingga 1980-an. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor ini kepada ekonomi dilihat semakin mengecil, namun ia masih kekal relevan dengan peningkatan nilai ditambah saban tahun. Landskap ekonomi Malaysia telah berubah daripada dipacu oleh sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian meningkat 3.1 peratus pada 2024p berbanding 0.2 peratus pada 2023 dan 1.3 peratus pada 2022. Jumlah KDNK yang dicatatkan meningkat daripada RM100.2 bilion yang dicatatkan pada 2022 kepada RM100.4 bilion pada 2023 dan meningkat RM103.5 bilion pada 2024^a. Penyumbang utama prestasi ini adalah pengeluaran kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan di mana masing-masing mencatatkan RM38,063 juta pada 2024^a (2023: RM36,203 juta), RM29,729 juta (2023: RM29,335 juta) dan RM17,444 juta (2023: RM16,884 juta). Secara keseluruhan, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK pada 2024 adalah 6.3 peratus berbanding 6.4 peratus pada 2023.

Isu keterjaminan makanan berkait dengan bahan makanan utama rakyat Malaysia seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan hasil laut. Dalam menangani isu keterjaminan makanan ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperkenalkan dua (2) dasar iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), di mana salah satu isu yang diketengahkan ialah kestabilan kadar sara diri (SSR) yang melihat keupayaan sesuatu pengeluaran bahan makanan bagi sesebuah negara mencukupi bagi memenuhi keperluan domestik.

Bagi memastikan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang lebih holistik dan mampan dirangka bagi memperkukuh keselamatan makanan di semua peringkat rantai makanan, sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan pada 30 April 2020 bagi menyelaraskan strategi serta pelan tindakan dalam menangani isu sekuriti makanan negara untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan keahlian terdiri daripada Menteri dari Kementerian berikut iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW); Kementerian Pengangkutan (MOT); Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM); Kementerian Ekonomi (KE);

^a data awalan

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK); Kementerian Kesihatan (KKM); Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas). Jawatankuasa ini akan mendapatkan input dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli akademik, pemain industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta petani, penternak dan nelayan. Ini bagi memastikan dasar yang dirangka adalah bersifat komprehensif dan mampu membantu kerajaan menangani isu sekuriti makanan secara berkesan.

Berdasarkan *Food and Agriculture Organization* (FAO), terdapat empat (4) komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu:

- i. Ketersediaan makanan
Ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import. Pengeluaran makanan tersebut mestilah mencukupi mengikut keperluan manusia.
- ii. Akses makanan
Akses kepada sumber makanan yang mencukupi oleh individu.
- iii. Penggunaan
Penggunaan ke atas makanan yang lengkap berterusan, air yang bersih dan semua keperluan makanan dapat diperolehi.
- iv. Kestabilan
Untuk memastikan sekuriti makanan, individu atau isi rumah mesti mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi pada setiap masa. Mereka tidak akan menghadapi risiko untuk kehilangan akses kepada makanan walaupun berlakunya kejutan pasaran seperti krisis ekonomi dan sebagainya.

KOMODITI KELAPA

Pengenalan kepada komoditi kelapa

Kelapa ialah komoditi yang terkenal disebabkan permintaannya bagi kegunaan segar dalam industri pemprosesan makanan di Malaysia. Secara umum, kelapa banyak digunakan dalam pelbagai jenis masakan seperti nasi lemak, hidangan berasaskan santan serta pelbagai jenis kuih tradisional dan bubur. Selain itu, permintaan kelapa juga meningkat terutamanya menjelang musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dalam juadah hari raya serta Thaipusam.

Berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), permintaan produk berasaskan kelapa di Malaysia meningkat setiap tahun, dengan purata import kelapa segar sebanyak 176 ribu tan metrik setahun pada tahun 2010 sehingga 2024 dan purata pengeluaran sebanyak 561.7 ribu tan metrik bagi tahun yang sama. Industri kelapa di Malaysia juga telah mengalami perubahan ketara sejak abad ke-19, dengan keluasan tanaman semakin berkurangan akibat persaingan dengan komoditi lain disebabkan peralihan kepada tanaman yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit dan durian.

Antara cabaran dihadapi dalam industri kelapa pada masa kini ialah produktiviti yang rendah serta pengurangan keluasan bertanam daripada 84,936 hektar pada 2022 kepada 79,491 hektar pada 2024 (Jabatan Pertanian Malaysia, 2024). Justeru, kadar sara diri (*Self-sufficiency ratio*, SSR) telah menurun daripada 92.2 peratus pada 2010 kepada 70.3 peratus pada 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Selain itu, industri kelapa negara juga menghadapi cabaran lain seperti kekurangan latihan dan pembiayaan kepada pekebun kecil serta rantai bekalan. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan beberapa cadangan intervensi yang berkaitan dalam menangani isu ini.

Maklumat dalam laporan ini memaparkan statistik Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Kelapa yang meliputi pengeluaran, kadar kebergantungan import (*import dependency ratio*, IDR), penggunaan per kapita (*per capita consumption*, PCC) dan SSR. Selain itu, ia turut memaparkan data perdagangan iaitu kuantiti import dan eksport serta nilai perdagangan di antara Malaysia dengan negara lain. Laporan ini turut menerangkan tentang harga dan produk kelapa di peringkat ladang dan runcit, seterusnya isu bekalan dan harga serta intervensi Kerajaan dalam menangani isu tersebut.

Jenis-jenis kelapa di Malaysia

Penanaman kelapa telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan petani di negara ini sebagai aktiviti pertanian tradisional. Tanaman kelapa (*Cocos nucifera*), yang tergolong dalam keluarga *Arecaceae* (tumbuhan daripada keluarga palma), ialah tanaman penting di beberapa negara, termasuk Malaysia. Indonesia mempunyai kawasan menanam kelapa terbesar dengan lebih 3.8 juta hektar, diikuti oleh Philipines dengan 3.6 juta hektar. Dengan kawasan tanaman kelapa seluas 74.5 ribu hektar, Malaysia ialah pengeluar kelapa ke-11 terbesar di dunia dengan kapasiti sebanyak 630 ribu tan metrik setahun. Pada tahun 2024, tanaman kelapa kebanyakannya ditanam di pantai barat Semenanjung Malaysia seperti di Perak, Selangor dan Johor, juga di Sabah dan Sarawak. Situasi ini menunjukkan bahawa tanaman kelapa adalah penting di kawasan berpulau yang dikelilingi laut.

Berdasarkan klasifikasi Jabatan Pertanian Malaysia¹, terdapat empat (4) jenis kelapa yang popular ditanam di Malaysia seperti yang berikut:

i. Kelapa tinggi

Pokok kelapa jenis ini tahan lasak, tahan lama, dan mengeluarkan hasil yang baik dengan kos pengurusan yang rendah. Kelapa tinggi merupakan kelapa asli negara yang telah lama ditanam. Kelapa ini sering ditanam di pantai, pulau dan kampung tradisional. Pokok kelapa tinggi mempunyai batang yang besar dan kukuh dengan pangkal yang membengkak seperti tapak gajah. Pokok jenis ini juga boleh menghasilkan 6,000 hingga 7,000 biji kelapa sehektar yang mula berbuah selepas enam (6) hingga tujuh (7) tahun ditanam.

ii. Kelapa renek

Kelapa renek ialah jenis kelapa terbaik yang lebih rendah dan tidak melebihi ketinggian 25 meter. Pokok kelapa renek sering ditanam sebagai tanaman landskap di taman rekreasi, tepi jalan utama, sekitar rumah dan di tempat awam. Kelapa renek mempunyai buah yang kecil dan sederhana tebal, berbentuk bulat atau bulat lonjong, dengan sabut yang agak nipis. Kelapa renek Malaysia mempunyai pelbagai warna, seperti hijau, kuning, oren, coklat dan sebagainya. Pengeluaran kelapa renek adalah di antara 7,000 dan 8,000 biji sehektar bergantung kepada variasi dan pengurusan tanaman.

¹ Merujuk kepada Booklet Statistik Tanaman (subsektor Tanaman Makanan) 2024 oleh Jabatan Pertanian Malaysia

iii. Kelapa hibrid

Kelapa hibrid terhasil daripada gabungan dua baka kelapa yang berbeza seperti *Malayan Yellow Dwarf* dengan *Dwarf West African Tall* atau jenis lain. Kelapa hibrid biasanya ditanam untuk meningkatkan hasil buah yang lebih baik daripada kelapa jenis asal dan mempunyai daya tahan terhadap penyakit dan persekitaran. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis kelapa hibrid yang telah berjaya dikembangkan, di antaranya ialah:

a. Kelapa Matag

Buah kelapa ini semakin popular di Malaysia disebabkan permintaan yang tinggi, walau bagaimanapun, benihnya semakin sukar diperolehi. Kelapa ini adalah hasil daripada kacukan kelapa jenis *Malayan Tall* dengan kelapa jenis *Tagnanan*. Penanaman semula atau penanaman baharu kelapa telah meningkatkan hasil kelapa negara kita kepada lebih 22,000 biji sehektar setahun daripada purata 3,500 biji sehektar setahun.

iv. Kelapa pandan

Kelapa pandan yang juga dikenali sebagai kelapa hijau atau kelapa muda, ialah sejenis kelapa yang dipetik sebelum ia mencapai tahap kematangan penuh. Kandungan air yang tinggi, rasa yang segar dan manfaatnya untuk kesihatan adalah sebahagian daripada ciri-ciri kelapa pandan. Kelapa pandan sering digunakan dalam minuman segar, pencuci mulut, penganan dan makanan tradisional atau kuih-muih.

Kos pengeluaran kelapa

Berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh DOA, struktur kos pengeluaran kelapa terbahagi kepada lima (5) iaitu kos pembangunan, kos input, kos tenaga kerja, kos pelbagai dan kos luar jangka. Bagi pengeluaran satu (1) hektar dalam tempoh 25 tahun, kos tenaga kerja merupakan kos yang tertinggi bagi ketiga-tiga jenis kelapa iaitu sebanyak 39.4 peratus hingga 42.9 peratus bergantung kepada jenis kelapa. Kos kedua tertinggi ialah kos bahan input iaitu 38.9 peratus. Manakala kos luar jangka sebanyak 9.1 peratus dan kos pelbagai mencapai 7.3 peratus sehingga 10.1 peratus berdasarkan jenis kelapa. **[Jadual 1]**

Jadual 1: Kos Pengeluaran Kelapa 2023

Komoditi	Tempoh Hayat Ekonomik (Tahun)	Kos Pengeluaran (%)					
		Kos pembangunan	Kos bahan input	Kos tenaga kerja	Kos pelbagai	Kos luar jangka (10%)	Kos luar jangka (5%)
Kelapa Matag	25	2.5	38.8	39.4	10.1	9.1	-
Kelapa Pandan	25	1.8	38.9	42.9	7.3	9.1	-
Kelapa MYD/MRD*	25	1.8	38.9	42.9	7.3	9.1	-

Sumber: Booklet Statistik Tanaman (subsektor Tanaman Makanan) 2024 oleh Jabatan Pertanian Malaysia

Kos pengeluaran kelapa adalah berdasarkan pengeluaran bagi 1 hektar dalam tempoh 25 tahun. Peratusan kos pengeluaran yang dipaparkan adalah berdasarkan pengiraan Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: MYD merujuk kepada *Malayan Yellow Dwarf* atau Kelapa Renek Kuning
MRD merujuk kepada *Malayan Red Dwarf* atau Kelapa Renek Merah

Keluasan bertanam dan pengeluaran kelapa di Malaysia

Berdasarkan statistik rasmi oleh DOA, pengeluaran kelapa meningkat daripada 604.4 ribu tan metrik pada 2022 kepada 623.7 ribu tan metrik pada 2023, seterusnya meningkat kepada 629.9 ribu tan metrik pada 2024. Semenanjung Malaysia mencatatkan pengeluaran sebanyak 518.0 ribu tan metrik pada 2022, meningkat kepada 542.3 ribu tan metrik pada 2023 dan 547.8 ribu tan metrik pada 2024.

Keluasan bertanam dan pengeluaran mengikut negeri

Pengeluaran tertinggi pada 2023 dicatatkan oleh Johor dengan pengeluaran sebanyak 125.5 ribu tan metrik, diikuti oleh Selangor (121.2 ribu tan metrik) dan Perak (89.0 ribu tan metrik). Pengeluaran ketiga-tiga negeri ini adalah sebanyak 53.8 peratus daripada jumlah pengeluaran kelapa di Malaysia. Semenanjung Malaysia mencatatkan pengeluaran 87.0 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran kelapa pada 2023, manakala Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan sebanyak 13.0 peratus.

Sementara itu, Johor kekal sebagai pengeluar utama kelapa pada 2024 dengan keluaran 126.7 ribu tan metrik, diikuti oleh Selangor (122.5 ribu tan metrik) dan Perak (89.9 ribu tan metrik). Ketiga-tiga negeri ini menghasilkan 53.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran kelapa di Malaysia pada 2024.

Berdasarkan kepada definisi DOA, keluasan bertanam merujuk kepada jumlah keluasan lot atau poligon yang bertanam. Johor mempunyai keluasan bertanam yang tertinggi sebanyak 11,032 hektar pada 2023, diikuti dengan Kelantan (10,278 hektar) dan Selangor (8,083 hektar). Manakala Sabah dan Sarawak pula mempunyai keluasan bertanam yang lebih tinggi iaitu masing-masing dengan keluasan 19,047 hektar dan 10,100 hektar. Manakala pada 2024 pula, Johor mempunyai keluasan bertanam sebanyak 11,043 hektar diikuti dengan Kelantan (10,288 hektar) dan Selangor (8,091 hektar). Sabah dan Sarawak pula mempunyai keluasan bertanam yang tinggi berbanding negeri di Semenanjung di mana masing-masing mencatatkan keluasan bertanam 19,066 hektar dan 10,110 hektar. **[Jadual 2]**

Jadual 2: Keluasan Bertanam dan Pengeluaran Kelapa mengikut Negeri, 2022-2024^a

Negeri	2022		2023		2024 ^a	
	Keluasan bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Keluasan bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Keluasan bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)
Johor	13,270	124,062	11,032	125,450	11,043	126,705
Kedah	1,774	31,787	1,766	34,241	1,768	34,584
Kelantan	11,436	77,467	10,278	75,961	10,288	76,721
Melaka	3,014	20,660	3,351	27,458	3,355	27,733
Negeri Sembilan	1,491	14,521	1,582	17,810	1,584	17,988
Pahang	2,900	27,270	3,668	27,016	3,672	27,287
Perak	7,728	88,292	7,406	88,982	7,413	89,872
Perlis	576	4,814	561	6,732	562	6,799
Pulau Pinang	12	78	28	112	28	113
Selangor	9,526	110,784	8,083	121,238	8,091	122,450
Terengganu	2,407	18,248	2,458	17,338	2,461	17,512
Sem. Malaysia	54,133	517,983	50,213	542,339	50,263	547,763
Sabah	18,632	61,518	19,047	62,064	19,066	62,685
Sarawak	12,100	24,522	10,100	18,864	10,110	19,035
W.P. Labuan	71	405	52	414	52	418
Malaysia	84,936	604,428	79,412	623,663	79,491	629,900

Sumber: Booklet Statistik Tanaman (subsektor Tanaman Makanan) 2024 oleh Jabatan Pertanian Malaysia

Nota: ^a awalan

Keluasan bertanam dan pengeluaran mengikut jenis ladang

Manakala maklumat tanaman kelapa dibahagikan kepada tiga (3) iaitu estet, pekebun kecil dan Jabatan/Agensi/Kerajaan. Jenis ladang yang memiliki keluasan bertanam yang tertinggi ialah pekebun kecil dan diikuti oleh estet dan seterusnya Jabatan/Agensi/Kerajaan. Pada

2022, keluasan bertanam pekebun kecil ialah 78.9 ribu hektar dan menurun kepada 73.9 ribu tan metrik pada 2023, dan meningkat perlahan 73.9 ribu tan metrik pada 2024. Sementara itu, bagi pengeluaran tertinggi pada 2024 dicatatkan oleh pekebun kecil dengan hasil pengeluaran sebanyak 515.6 ribu tan metrik, diikuti oleh estet dengan pengeluaran 111.5 tan metrik dan jabatan/agensi/kerajaan sebanyak 2.9 ribu tan metrik. **[Jadual 3]**

Jadual 3: Keluasan Bertanam dan pengeluaran mengikut Jenis Ladang, 2022 – 2024^a

Negeri	2022		2023		2024 ^a	
	Luas bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Luas bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Luas bertanam (hektar)	Pengeluaran (tan metrik)
Estet	6,187	108,674	5,176	110,304	5,181	111,407
Pekebun kecil	78,242	493,214	73,853	510,459	73,927	515,564
Jabatan/Agensi/Kerajaan	507	2,540	383	2,900	383	2,929
Malaysia	84,936	604,428	79,412	623,663	79,491	629,900

Sumber: Booklet Statistik Tanaman (subsektor Tanaman Makanan) 2024 oleh Jabatan Pertanian Malaysia

Nota: ^a awalan


Kos dan Margin kepada Harga Pengguna Akhir dalam Sektor Borong & Runcit Berkaitan Pertanian

Maslina binti Samsudin

Pengenalan

Perdagangan borong dan runcit di Malaysia menyumbang 15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2024 (DOSM, 2025). Sebagai komponen penting dalam bakul perbelanjaan pengguna, barangan runcit mempengaruhi inflasi di Malaysia yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP). Dalam bakul IHP, kumpulan Makanan & Minuman, yang merangkumi Makanan di luar rumah dan Makanan di rumah mewakili 29.8 peratus daripada bakul IHP. Justeru, sebarang kenaikan harga dalam kumpulan ini pasti akan memberi kesan kepada harga akhir yang dibayar oleh pengguna seperti di **Carta 1**.

Carta 1: Indeks Harga Pengguna, Kumpulan Makanan & Minuman, 2010-2024



Untuk memahami dengan lebih baik faktor-faktor yang mempengaruhi trend harga barangan runcit dan inflasi secara keseluruhan, adalah penting untuk memahami pelbagai kos yang ditanggung serta margin yang dikenakan oleh pengedar (pemborong dan peruncit) sebelum harga akhir dicaj kepada pengguna. Secara umum, kos pengedaran dalam keseluruhan rantai bekalan mempunyai implikasi yang besar terhadap sebarang perubahan dalam permintaan. Selain itu, strategi diskaun juga boleh mempengaruhi keuntungan sesebuah firma (D'Arcy et. al 2012).

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui struktur komposisi kos pemborong/peruncit yang terlibat dalam industri pertanian (seperti daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain) dan makanan terpilih serta memahami dengan lebih baik motivasi dalam penetapan harga akhir kepada pengguna¹.

Sorotan Karya

Elbert, A. (2005) telah mencadangkan kaedah pengiraan margin pemasaran ke atas barang yang digunakan untuk penggunaan persendirian. Kajian beliau memperkenalkan kaedah gabungan untuk menentukan margin perdagangan dengan cekap dan tepat. Kaedah ini menggunakan pangkalan data sedia ada daripada *Central Bureau Statistics* (CBS), Isreal dan agensi kerajaan lain di Israel. Antara sektor yang dikaji adalah sektor pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan; makanan, minuman dan produk tembakau; dan sektor pembuatan. Manakala, D'Arcy et. al (2012) telah membuat kajian mengenai pecahan kos dan margin yang mempengaruhi harga pengguna akhir. Hasil kajian mendapati bahawa separuh daripada harga pengguna akhir adalah daripada kos barangan itu sendiri dan selebihnya adalah margin pengedar (pemborong dan peruncit).

Sumber Data dan Metodologi

Analisis ini berdasarkan data Banci Perdagangan Borong & Runcit bagi tahun rujukan 2013, 2018 dan 2022 yang telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Analisis ini merangkumi data perdagangan borong dan runcit berkaitan pertanian dan makanan terpilih di peringkat lima (5) digit berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. Kajian ini meliputi industri dalam sektor borong & runcit seperti berikut:


- i. Jualan borong daging, unggas dan telur;
- ii. Jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut;
- iii. Jualan borong buah-buahan;
- iv. Jualan borong sayur-sayuran;
- v. Jualan borong daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran t.t.t.l.;
- vi. Jualan borong beras, bijirin lain, tepung dan gula;
- vii. Jualan borong hasil tenusu;

¹ Terma barangan runcit dan barangan produk pertanian merujuk kepada barangan runcit akan digunakan secara bergantian (interchangeably)

- viii. Jualan runcit beras, tepung, bijirin lain dan gula;
- ix. Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau diawet;
- x. Jualan runcit produk tenusu dan telur;
- xi. Jualan runcit daging dan produk daging (unggas); dan
- xii. Jualan runcit ikan dan makanan laut lain dan lain-lain produk yang berkaitan

Kajian ini juga memfokuskan kepada produk berkaitan pertanian dan makanan terpilih, dan pemilihan industri seperti dinyatakan di atas. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui bagaimana aliran pengedaran barangan sehingga ia sampai kepada pengguna akhir. Rangka kerja pengurusan rantaian bekalan dapat memberikan gambaran mengenai kaedah pengedaran produk barangan secara am melibatkan pengeluar/petani/penternak dan pemborong sebelum sampai kepada pengguna.


Paparan 1: Rangka Kerja Pengurusan Rantai Bekalan



Sumber: Man, N., Nawj, N. M., & Ismail, M. M. (2009). An overview of the supply chain management of Malaysian vegetable and fruit industries focussing on the channel of distribution.

Paparan 1 menunjukkan Rangka Kerja Pengurusan Rantaian Bekalan yang diadaptasi daripada Man et al. (2009). Berdasarkan kajian yang menggunakan rangka kerja ini, satu (1) rangka kerja saluran pengedaran bagi sayur-sayuran segar di Malaysia telah dibangunkan, dan penemuan kajian tersebut diringkaskan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Rantaian Bekalan Sayuran Segar²



Sumber: Man, N., Nawi, N. M., & Ismail, M. M. (2009). An overview of the supply chain management of Malaysian vegetable and fruit industries focussing on the channel of distribution.

Paparan 2 memberikan gambaran umum mengenai saluran pengedaran di Malaysia dengan mengambil contoh kerangka untuk sayur-sayuran segar. Pemain industri dalam rantaian bekalan sayur-sayuran segar terdiri daripada penanam, pemungut/pengumpul atau pengangkut, pemborong, peruncit, dan pasar raya besar atau pasar raya. Penemuan daripada Man et al. (2009) menunjukkan bahawa majoriti penanam atau 64.0 peratus penanam/petani di Malaysia menjual hasil segar mereka kepada pemborong. Sejumlah 26.0 peratus lagi diagihkan kepada pemungut/pengumpul dan pengangkut, 7.0 peratus kepada peruncit, 2.0 peratus kepada pemasar langsung (seperti FAMA), dan 1.0 peratus kepada pasar raya besar.

Di kalangan pemungut/pengumpul, 59.0 peratus bekerjasama dengan pemborong, manakala baki 41.0 peratus berhubung dengan peruncit. Daripada pemborong utama, 46.0 peratus diagihkan kepada pemborong atau orang tengah lain, 27.0 peratus kepada pembeli institusi, dan 24.0 peratus kepada peruncit, dengan baki 3.0 peratus dihantar ke pasar raya besar. Di peringkat pemborong sekunder, 55.0 peratus dibekalkan kepada peruncit, 25.0 peratus kepada pasar raya besar, dan baki 20.0 peratus kepada pembeli institusi.

² Garis penuh mewakili aliran dan pengagihan buah-buahan serta sayur-sayuran segar yang diperoleh daripada pengiraan hasil survei. Garis putus-putus mewakili aliran dan pengagihan buah-buahan serta sayur-sayuran segar yang diperoleh daripada ekstrapolasi hasil survei dan perbincangan dengan pakar pasaran.

Metolodogi Pengiraan

Analisis yang dibuat dalam artikel ini bersifat deskriptif. Definisi dan kaedah pengiraan diterangkan dengan lebih jelas dalam perenggan seterusnya.

Berdasarkan Sistem Akaun Negara (SNA) 2008 dan *International Recommendations for Distributive Trade Statistics* (IRDTs) 2008, margin perdagangan didefinisikan sebagai perbezaan antara harga sebenar (atau harga anggaran) yang diterima bagi barang yang dibeli untuk dijual semula dengan harga yang perlu dibayar oleh pengedar untuk menggantikan barang tersebut pada masa ia dijual atau dilupuskan. Kaedah pengiraan bagi mendapatkan margin kasar kepada nilai jualan adalah seperti berikut:

Margin kasar = Nilai jualan – Kos barang yang dijual, (*Cost of goods sold* (COGS))


Nisbah margin kasar kepada Nilai jualan =
$$\frac{\text{Nilai Jualan} - \text{COGS}}{\text{Jualan}} \times 100$$

Nisbah ini adalah petunjuk bagi prestasi unit perdagangan dan memberikan asas untuk perbandingan antara pelbagai industri. (United Nations, 2008).

Dapatan Kajian

Perbandingan trend antara COGS dan input dalam sektor perdagangan borong & runcit memberikan gambaran umum mengenai trend peningkatan dua komponen yang mempengaruhi penentuan harga akhir yang dicaj kepada pengguna.


Carta 2: Perbandingan Trend Input, COGS , IHP : Barang Tahan Lama dan IHP : Barang Tidak Tahan Lama, Subsektor Perdagangan Borong & Runcit



COGS dan Input ditukar kepada indeks untuk memudahkan perbandingan di antara komponen di atas.

Carta 2 merupakan perbandingan trend kenaikan kos input, kos barangan yang dijual, IHP barang tahan lama dan IHP barang tidak tahan lama bagi sektor Perdagangan & Runcit untuk tahun 2013, 2018 dan 2022. Manakala data Banci subsektor Perdagangan & Runcit 2008 digunakan untuk dijadikan proksi tahun asas, 2010=100. Kos input menunjukkan kenaikan input yang lebih tinggi berbanding COGS. Dalam konteks tingkat harga pula, IHP barang tidak tahan lama pada tahun 2022 menunjukkan trend peningkatan yang lebih laju iaitu 128.8 berbanding 100.0 yang dicatatkan pada tahun 2010. IHP barang tahan lama juga meningkat kepada 104.3 iaitu peningkatan yang lebih stabil dan perlahan.

Carta 3: Komposisi kepada Harga Jualan Akhir, Industri Terpilih (%)




Nota: Berdasarkan kepada pengiraan penulis

Harga jualan akhir kepada pengguna ditentukan oleh tiga faktor utama iaitu kos barang itu sendiri (COGS), margin kasar pemborong dan margin kasar peruncit. Gabungan margin kasar pemborong dan margin kasar peruncit ini juga boleh dianggap sebagai margin kasar pengedar.

Lebih 75.0 peratus daripada harga akhir pengguna dikaitkan dengan kos barang iaitu COGS (**Carta 3**). COGS merupakan komposisi terbesar kepada harga pengguna akhir iaitu antara 77.0 peratus sehingga 78.1 peratus bagi tempoh 2013 sehingga 2022 bagi industri yang dinyatakan dalam subsektor borong dan runcit. Manakala margin kasar pemborong adalah antara 13.8 peratus sehingga 15.3 peratus. Margin kasar pemborong adalah sebanyak 14.9 peratus pada tahun 2022 meningkat daripada 13.8 peratus yang dicatatkan pada tahun 2018, namun masih rendah berbanding 2013. Margin kasar pengedar mewakili antara 21.9 peratus sehingga 23.0 peratus kepada harga jualan akhir. Komposisi COGS telah meningkat pada tahun 2022, mencerminkan kenaikan pada kos barangan. Ini selari dengan peningkatan pada harga bagi barangan pengguna di peringkat pengeluar seperti di **Carta 4** di mana indeks Makanan pengguna siap meningkat 6.2 peratus pada 2022. Kenaikan harga komoditi global pada 2022 juga memberi kesan kepada peningkatan kos barang tersebut.

Carta 4: Barangan dan Makanan Pengguna Siap, 2010-2024



Margin Kasar kepada Jualan, Industri Terpilih

Analisis seterusnya adalah analisis ringkas margin kasar bagi industri berkaitan pertanian dan makanan terpilih dalam sektor borong & runcit. Margin kasar adalah salah satu indikator

penting yang menunjukkan prestasi unit perdagangan dan berfungsi sebagai asas untuk membuat perbandingan antara industri.

Jadual 1: Margin Kasar kepada Jualan, bagi Industri Terpilih Dalam Sektor Borong & Runcit, (%)

	Industri	2013	2018	2022
1.	Jualan borong daging, unggas dan telur	23.8	19.0	19.1
2.	Jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut	29.2	28.8	28.9
3.	Jualan borong buah-buahan	27.0	29.4	29.6
4.	Jualan borong sayur-sayuran	30.1	29.7	30.1
5.	Jualan borong daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran t.t.t.l.	19.1	18.3	18.5
6.	Jualan borong beras, bijirin lain, tepung dan gula	14.5	13.3	14.4
7.	Jualan borong hasil tenusu	9.4	8.7	9.7
8.	Jualan runcit beras, tepung, bijirin lain dan gula	29.2	26.7	28.0
9.	Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau diawet	36.4	34.2	35.0
10.	Jualan runcit produk tenusu dan telur	58.3	57.0	57.6
11.	Jualan runcit daging dan produk daging (unggas)	40.0	38.1	34.6
12.	Jualan runcit ikan dan makanan laut lain dan lain-lain produk yang berkaitan	35.6	33.5	41.9

Jadual 1 menunjukkan perbandingan peratusan margin kasar kepada nilai jualan bagi 2013, 2018 dan 2022. Bagi sektor borong, daripada 12 industri di atas, jualan borong sayur-sayuran mencatatkan margin kasar terbesar iaitu 30.1 peratus pada tahun 2013 dan 2022 (2018: 29.7%). Manakala, margin kasar kedua tertinggi dicatatkan oleh jualan borong buah-buahan iaitu 29.6 peratus pada 2022 dan menunjukkan trend yang meningkat bagi tempoh 2013 sehingga 2022.

Sementara itu, bagi subsektor jualan runcit pula, industri jualan runcit produk tenusu dan telur mencatatkan margin kasar tertinggi iaitu hampir 60.0 peratus bagi tiga tempoh masa tersebut. Margin kasar bagi industri Jualan runcit ikan dan makanan laut lain dan lain-lain produk yang berkaitan juga meningkat kepada 41.9 peratus berbanding 33.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2018 (2013: 35.6%).

Kesimpulan

Secara umumnya, COGS merupakan komponen terbesar kepada harga jualan akhir bagi perdagangan borong & runcit untuk pertanian & makanan. Namun begitu, analisis margin

kasar mendapati terdapat beberapa industri yang merekodkan margin kasar melebihi 50.0 peratus. Ini menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding industri-industri lain.

Antara limitasi kajian ini margin pengangkutan disekalikan dalam margin kasar. Selain itu, kajian ini menfokuskan kepada industri borong dan runcit produk pertanian dan berkaitan makanan yang terpilih sahaja. Justeru, analisis yang merangkumi kesemua sektor borong dan runcit adalah disarankan pada masa hadapan bagi mendapatkan pandangan yang lebih baik dan pemahaman yang mendalam. Analisis antara industri lain dalam sektor borong dan runcit adalah penting bagi melihat perbandingan antara industri.

Rujukan

D'Arcy, P., Norman, D., & Shan, S. (2012). Costs and Margins in the Retail Supply Chain| Bulletin–June 2012. *Bulletin*, (June).

Elbert, A. (2005). The Methodology of Calculation of Trade Margins on Products for Private Consumption

Jabatan Perangkaan Malaysia, (DOSM) (2025), Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Tahunan Keempat, 2024, DOSM

Man, N., Nawli, N. M., & Ismail, M. M. (2009). An overview of the supply chain management of Malaysian vegetable and fruit industries focusing on the channel of distribution. *Journal of Agribusiness Marketing*, 2.

United Nations Statistics Division (2008) Manual of International Recommendations for Distributive Trade Statistics 2008 (IRDTS 2008)

United Nations Statistics Division (2008) System of National Accounts, United Nations

Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia



LAPORAN DAN STATISTIK UTAMA KELAPA

DATA DAN STATISTIK KELAPA

Pengeluaran, Kadar Kebergantungan Import (IDR), Penggunaan Per Kapita (PCC) dan Kadar Sara Diri (SSR)

Berdasarkan Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) 2023, kelapa kekal mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 623.7 ribu tan dalam kumpulan buah-buahan terpilih seperti durian, nanas, pisang dan sebagainya. Analisis secara siri masa dari tahun 2010 sehingga 2023 pula menunjukkan pengeluaran kelapa meningkat daripada 550.1 ribu tan metrik pada 2010 kepada 623.7 ribu tan metrik pada 2023, peningkatan dua-digit sebanyak 13.4 peratus.

[Jadual 4]

IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport. IDR kelapa mencatatkan 9.8 peratus pada 2010 kepada peningkatan dua digit 13.2 peratus pada 2011. IDR menurun kepada 4.2 peratus pada 2013, namun terus meningkat dengan kadar yang lebih laju bermula dari 2014 dan merekodkan 30.6 peratus pada 2023. Peningkatan yang dicatatkan mencapai tiga (3) kali ganda daripada 2010 sehingga 2023.

PCC pula merujuk kepada jumlah penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PCC diukur dalam kilogram setahun dan gram sehari. PCC kelapa mencatatkan penggunaan sebanyak 24.9 kg/tahun pada 2023, meningkat daripada 18.4 kg/tahun pada 2010. PCC meningkat merentasi masa dari tahun 2010 sehingga 2023 dengan peningkatan 35.3 peratus atau secara puratanya kenaikan 2.4 peratus setahun.

SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik. Kelapa mencatatkan SSR yang tinggi sebanyak 92.2 peratus pada 2010 dan merekodkan 104.7 peratus pada 2013. Namun, kadar tersebut mulai menurun pada 2014 dan mencatatkan 70.3 peratus sahaja pada 2023.

Jadual 4: Pengeluaran, IDR, PCC dan SSR Tahunan 2010-2023

Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	IDR (%)	PCC (kg/tahun)	SSR (%)
2010	550,140.0	9.8	18.4	92.2
2011	562,556.0	13.2	17.7	96.3
2012	624,152.0	10.4	21.5	92.4
2013	624,727.0	4.2	18.5	104.7
2014	595,097.0	11.0	18.9	96.7
2015	505,613.8	20.0	17.3	87.8
2016	504,772.5	22.8	17.0	88.2
2017	517,588.5	25.0	19.4	78.1
2018	495,531.1	33.7	21.5	66.8
2019	536,605.7	32.2	22.7	68.2
2020	560,984.3	34.0	24.4	66.6
2021	557,353.7	31.8	23.1	69.6
2022	604,428.4	29.9	24.2	71.6
2023	623,662.7	30.6	24.9	70.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perdagangan Kelapa 2010 - 2024

Kuantiti dan Nilai Import Kelapa

Kelapa merupakan import tertinggi dalam kategori buah-buahan terpilih dengan mencatatkan 271.7 ribu tan metrik pada 2023 dan merekodkan nilai import sebanyak RM226.1 juta. Import kelapa ini juga telah mencatatkan peningkatan yang mendadak iaitu sebanyak 305.4 tan metrik pada 2024, meningkat sebanyak 12.4 peratus (2023: 7.8%). Nilai import juga meningkat kepada RM357.2 juta pada 2024 dengan peningkatan sebanyak RM131.1 juta berbanding 2023 (58.0%).


Dari segi siri masa pula, import kelapa meningkat daripada 58.7 ribu tan metrik pada 2010 dan terus mencatatkan peningkatan mendadak dua kali ganda bermula 2015 (114.9 ribu tan metrik). Secara puratanya, peningkatan import sebanyak 12.5 peratus setahun dicatatkan dari 2010 sehingga 2024. Nilai import juga meningkat daripada RM23.2 juta pada 2010 dan mencapai RM357.2 juta pada 2024. [\[Jadual 5\]](#) dan [\[Carta 1\]](#)

Jadual 5: Import dan Eksport Tahunan, 2010-2024^a

Tahun	Import (tan metrik)	Nilai import (RM juta)	Eksport (tan metrik)	Nilai eksport (RM juta)
2010	58,710.7	23,162,843	12,263.3	7,618,436
2011	77,212.1	39,770,398	55,588.0	29,891,845
2012	70,017.9	34,475,632	18,497.9	11,823,128
2013	25,017.7	15,032,557	53,126.6	28,796,571
2014	68,052.8	36,514,592	47,873.9	25,588,599
2015	114,865.3	63,125,593	44,906.5	24,550,134
2016	130,455.6	81,350,782	63,139.4	35,343,516
2017	166,227.7	127,155,030	21,177.1	20,946,237
2018	250,652.0	168,719,129	3,927.5	7,523,645
2019	255,353.3	189,430,515	5,058.6	11,427,160
2020	287,844.4	266,050,128	6,472.5	13,264,952
2021	255,316.8	254,925,109	11,887.0	16,691,046
2022	252,091.4	248,145,343	12,580.7	15,196,062
2023	271,734.1	226,101,905	8,498.4	10,326,711
2024 ^a	305,384.5	357,228,423	8,217.6	9,721,791

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1: Kuantiti dan Nilai Import Tahunan, 2010-2024^a




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kuantiti dan Nilai Eksport Kelapa

Eksport kelapa pula menunjukkan penurunan bermula 2011 sehingga 2024. Sebanyak 12.3 ribu tan metrik telah dieksport pada 2010 dan peningkatan kuantiti berlaku sehingga 2016 sebanyak 63.1 ribu tan metrik. Namun, kuantiti eksport kelapa mula turun bermula 2017 sehingga merekodkan 8.2 ribu tan metrik pada 2024. Nilai eksport yang dicatatkan pada tahun 2024 ialah RM9.7 juta berbanding RM10.3 juta pada 2023. [\[Jadual 5\]](#) dan [\[Carta 2\]](#).

Carta 2: Kuantiti dan Nilai Eksport Tahunan, 2010-2024^a



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Negara Perdagangan Utama Kelapa Malaysia, 2023 dan 2024

Malaysia telah mengimport kelapa dan produk kelapa daripada negara terdekat seperti Indonesia dan Thailand bagi memastikan kestabilan bekalan. Antara produk kelapa yang diimport ialah kelapa muda dan selain dari kelapa muda.

Eksport Utama Produk Kelapa Malaysia

Jadual 6: Negara Asal (Pengeksport) Utama Kelapa Malaysia, 2023 dan 2024^a

Negara	Kuantiti Eksport (tan metrik)	Peratus sumbangan eksport (%)	Nilai eksport (RM juta)
2023			
Singapore	8,376.6	98.6	9,990,710
China	74.2	0.9	250,817
Lain-lain	47.6	0.6	85,184
Jumlah eksport	8,498.4	100.0	10,326,711
2024^a			
Singapore	7,962.9	96.9	9,136,944
Indonesia	123.1	1.5	133,263
Lain-lain	131.7	1.6	451,584
Jumlah eksport	8,217.6	100.0	9,721,791

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia telah mengeksport kelapa ke Singapore dengan kuantiti 8.4 ribu tan metrik (98.9% jumlah keseluruhan eksport) dengan nilai eksport RM9.9 juta. Walau bagaimanapun,

nilai eksport ini menurun perlahan kepada 8.0 ribu tan metrik pada 2024 (96.9%) dengan nilai eksport sebanyak RM9.1 juta. Malaysia juga telah mengeksport ke negara lain seperti Indonesia (1.5%), China (1.2%) dan lain-lain negara (0.4%). [\[Jadual 6\]](#)

Import Utama Produk Kelapa Ke Malaysia

Malaysia mengimport kelapa dengan kuantiti sebanyak 304.8 ribu tan metrik (99.8%) dengan jumlah import sebanyak RM356.2 juta pada 2024. Manakala Malaysia telah mengimport kelapa dari Indonesia dengan kuantiti sebanyak 270.4 ribu tan metrik (99.5%) yang bernilai RM224.1 juta pada 2023. [\[Jadual 7\]](#)

Jadual 7: Negara Destinasi (Pengimport) Utama Kelapa Ke Malaysia 2023 dan 2024^a

Negara	Kuantiti import (tan metrik)	Peratus sumbangan import (%)	Nilai import (RM juta)
2023			
Indonesia	270,410.9	99.5	224,145,774
Thailand	1,316.6	0.5	1,933,091
Viet Nam	6.5	>0.0	23,040
Jumlah	271,734.1	100.0	226,101,905
2024 ^a			
Indonesia	304,847.2	99.8	356,171,781
Thailand	507.5	0.2	923,821
Viet Nam	29.7	>0.0	132,343
Jumlah	305,384.5	100.0	357,228,423

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Negara Pengeluar Kelapa Utama Dunia 2024

Kelapa merupakan komoditi pertanian yang penting bagi kebanyakan negara tropika, menawarkan pelbagai kegunaan daripada aplikasi masakan kepada produk perindustrian. Berdasarkan statistik rasmi *Food and Agriculture Organization (FAO) Corporate Statistical Database* 2024, negara pengeluar kelapa dunia seperti Indonesia, Philippines dan India menerajui pasaran global dengan jumlah pengeluaran yang besar. Negara tersebut, bersama dengan negara lain seperti Sri Lanka dan Brazil, memainkan peranan penting dalam industri kelapa global, menyumbang ketara kepada ekonomi dan perdagangan antarabangsa mereka.


Berdasarkan data *FAO Corporate Statistical Database* juga, anggaran pengeluaran kelapa global pada tahun 2022 ialah 62.4 juta tan metrik, menurun daripada 62.8 juta tan metrik yang

dihasilkan pada tahun 2021. Antara faktor pengeluaran kelapa adalah keadaan cuaca dan amalan pertanian yang memberi kesan kepada bekalan komoditi ini.

Indonesia merupakan pengeluar kelapa terbesar di dunia dengan pengeluaran sebanyak 17.1 juta tan metrik pada 2024. Iklim tropika yang ideal di Indonesia², ladang kelapa yang luas dan amalan pertanian yang baik menyumbang kepada pengeluaran yang tinggi. Cuaca panas Indonesia dan hujan yang lebat menggalakkan pertumbuhan kelapa di seluruh kepulauan. Dengan pelbagai inisiatif yang dijalankan, Indonesia kekal sebagai pengeluar utama global dan pembekal utama produk berasaskan kelapa. [Carta 3]

Philippines menduduki tempat kedua di dunia dalam pengeluaran kelapa, menghasilkan 14.8 juta tan metrik setiap tahun². Kelapa penting kepada budaya dan ekonomi Philippines, mempamerkan kepelbagaian dalam masakan dan tradisi, membentuk identiti pertanian negara. Manakala India merupakan pengeluar kelapa ketiga terbesar di dunia, menghasilkan 14.7 juta tan metrik setiap tahun. Zon agro-iklimnya yang pelbagai menjadikan kelapa sebagai tanaman ruji di pelbagai wilayah.

Carta 3: Negara Pengeluar Kelapa Tertinggi Dunia, 2024



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

² Merujuk kepada medium.com

Negara Pengeksport (Asal) dan Pengimport (Destinasi) Utama Dunia

Kelapa dihasilkan di lebih 90 negara di seluruh dunia, namun pengeluarannya tertumpu di Asia, yang menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah keluaran keseluruhan. Rantau Asia-Pasifik berdiri sebagai pusat global penanaman kelapa, mewakili 32.0 peratus daripada kawasan penanaman kelapa dunia². Negara seperti India, Indonesia, Philippines dan Viet Nam merupakan antara kawasan penanaman terbesar dunia manakala Brazil secara unik mengekalkan kedudukannya sebagai satu-satunya pengeksport utama bukan Asia. Thailand merupakan pengeksport utama produk kelapa yang diproses seperti santan, air dan gula. Thailand terus memperoleh bahagian pasaran global, terutamanya dalam pasaran North America dan Eropah. Hal ini menjadikan Thailand sebagai pembekal produk kelapa yang berkualiti tinggi.

Negara Asal Utama

Berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh *FAO Corporate Statistical Database 2024*, eksport kelapa dunia terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu minyak kelapa, kelapa kering (*desiccated coconut*) dan kelapa (*coconuts, in shell*).

Eksport Minyak Kelapa

Bagi bekalan minyak kelapa, Indonesia menyumbang lebih 55.0 peratus daripada bekalan minyak kelapa global. Pengeluaran berskala besar dan kos buruh yang rendah memberikan Indonesia kelebihan daya saing. Dari segi kuantiti, Indonesia merupakan pengeksport terbesar dengan kuantiti sebanyak 739.9 ribu tan metrik pada 2023, diikuti oleh Philippines (549.5 ribu tan metrik) dan Netherlands (185.6 ribu tan metrik). Walau bagaimanapun, pengeksport utama minyak kelapa global pada 2022 ialah Philippines dengan kuantiti sebanyak 1.7 juta tan metrik, diikuti oleh Indonesia (707.8 ribu tan metrik) dan Netherlands (252.2 ribu tan metrik). **[Jadual 8]** dan **[Carta 4]**


Sementara itu, nilai eksport Indonesia pada 2023 bernilai USD743.0 juta diikuti Philipines dengan eksport bernilai USD1.2 bilion dan Netherlands (USD336.0 juta). Namun begitu, nilai dan kuantiti eksport boleh berbeza disebabkan oleh faktor seperti harga, kos pengeluaran dan permintaan pasaran.

Jadual 8: Lima Negara Asal Utama Minyak Kelapa, 2021-2023

Minyak kelapa						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)
Indonesia	611,448	959,223	707,752	1,118,374	739,882	742,965
Philippines	913,363	1,431,080	1,703,433	2,099,955	549,479	1,172,351
Netherlands	227,628	401,021	252,197	433,656	185,576	336,044
Malaysia	186,608	293,157	134,871	255,755	165,973	201,522
Papua New Guinea	34,501	57,093	44,330	61,281	34,637	30,019

Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Carta 4: Lima Negara Asal Utama Minyak Kelapa, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Eksport Kelapa Kering (Coconuts, desiccated/copra)

Dari segi kuantiti eksport, Indonesia merupakan pengeksport utama pada 2023 dengan kuantiti sebanyak 113.7 ribu tan metrik, diikuti oleh Philippines (86.1 ribu tan metrik) dan Sri Lanka (38.0 ribu tan metrik). Pada 2022 pula, Philippines merupakan pengeksport utama dunia dengan kuantiti 171.9 ribu tan metrik, diikuti oleh Indonesia (110.5 ribu tan metrik) dan Sri Lanka (43.8 ribu tan metrik). Philippines merupakan pengeksport utama kelapa kering dan air kelapa dalam beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan peningkatan kapasiti pemprosesan.


Sementara itu, dari segi nilai eksport, Philipines mencatatkan nilai eksport tertinggi pada 2023 sebanyak USD247.2 juta, diikuti oleh Indonesia (USD126.0 juta) dan Sri Lanka (USD74.0 juta). Philippines mencatatkan nilai eksport sebanyak USD367.0 juta, diikuti oleh Indonesia (USD149.4 juta) dan Sri Lanka (USD99.9 juta) pada 2022. [\[Jadual 9\]](#) dan [\[Carta 5\]](#)

Jadual 9: Lima Negara Asal Utama Kelapa Kering, 2021-2023

Kelapa kering (<i>Coconuts, desiccated/copra</i>)						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)
Indonesia	139,934	234,673	110,455	149,388	113,671	125,963
Philipines	163,317	396,075	171,853	369,974	86,132	247,177
Sri Lanka	36,111	115,928	43,769	99,897	37,957	73,987
Singapore	33,851	30,724	34,040	29,647	35,268	29,047
Viet Nam	29,331	67,932	19,890	38,073	25,923	45,293

Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Carta 5: Lima Negara Asal Utama Kelapa Kering, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Eksport Kelapa (*Coconuts, in shell*)

Dari segi kuantiti eksport kelapa, Indonesia mengeksport sebanyak 757.7 ribu tan metrik, diikuti oleh Thailand (652.4 ribu tan metrik) dan Viet Nam (306.1 ribu tan metrik) pada 2023. Pada 2022 pula, Indonesia mengeksport sebanyak 664.6 ribu tan metrik, diikuti oleh Thailand (566.7 ribu tan metrik) dan Viet nam (112.1 ribu tan metrik). [\[Jadual 10\]](#) dan [\[Carta 6\]](#)


Nilai eksport tertinggi pada 2023 dicatatkan oleh Thailand dengan jumlah nilai eksport bagi kelapa adalah sebanyak USD453.0 juta, diikuti oleh Indonesia (USD151.4 juta) dan Viet Nam (USD77.1 juta). Manakala bagi 2022, nilai eksport tertinggi dicatatkan oleh Thailand (USD394.2 juta), diikuti Indonesia (USD163.2 juta) dan Viet Nam (USD80.8 juta).

Jadual 10: Lima Negara Asal Utama Kelapa, 2021-2023

Kelapa (Coconuts, in shell)						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai eksport (USD ribu)
Indonesia	816,481	211,427	664,646	163,178	757,726	151,438
Thailand	398,419	302,995	566,739	394,176	652,437	453,039
Viet Nam	66,915	86,873	112,078	80,760	306,135	77,122
India	69,065	58,443	69,626	44,306	98,579	80,546
Malaysia	12,057	4,123	12,706	3,585	8,627	2,381

Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Carta 6: Lima Negara Asal Utama Kelapa, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Negara Destinasi Utama

Import kelapa dunia juga terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu minyak kelapa, kelapa kering (*desiccated coconut*) dan kelapa (*coconuts, in shell*).

Import Minyak Kelapa


United States merupakan pengimport utama minyak kelapa dengan kuantiti 415.2 ribu tan metrik, diikuti oleh Netherlands (369.7 ribu tan metrik) dan Malaysia berada di tempat ketiga sebagai pengimport tertinggi iaitu 262.0 ribu tan metrik. Pada 2022, United States, Netherlands dan Malaysia masing-masing telah mengimport sebanyak 535.1 ribu tan metrik, 418.2 ribu tan metrik dan 359.7 ribu tan metrik. **[Jadual 11]** dan **[Carta 7]**

Jadual 11: Lima Negara Destinasi Utama Minyak Kelapa, 2021-2023

Minyak kelapa						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)
United States	467,911	853,904	535,057	1,115,203	415,284	591,753
Netherlands	353,376	515,620	418,150	750,020	369,700	414,071
Malaysia	225,492	333,859	359,685	584,023	262,028	254,899
Germany	194,242	320,406	229,329	437,257	215,204	306,226
China	174,060	284,073	218,966	418,055	182,338	217,147

Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Carta 7: Lima Negara Destinasi Utama Minyak Kelapa, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database, 2024

Nilai eksport tertinggi pada 2023 dicatatkan oleh United States dengan jumlah nilai eksport minyak kelapa USD591.8 juta, diikuti oleh Netherlands (USD414.1 juta) dan Germany (USD306.2 juta). Manakala pada 2022 pula, nilai import dicatatkan lebih tinggi iaitu United States (USD1.1 bilion), Netherlands (USD750.0 juta) dan Malaysia (USD584.0 juta).

Import Kelapa Kering (*Coconuts, desiccated*)

Dari segi kuantiti import pada 2023, United States merupakan pengimport utama kelapa kering dengan kuantiti 38.7 ribu tan metrik, diikuti oleh Singapore (35.6 ribu tan metrik) dan Netherlands (30.6 ribu tan metrik). Pada 2022, United States, Netherlands dan Singapore masing-masing telah mengimport sebanyak 54.4 ribu tan metrik, 36.6 ribu tan metrik dan 32.1 ribu tan metrik. **[Jadual 12]**


Nilai import tertinggi pada 2023 dicatatkan oleh United States dengan jumlah nilai import bagi kelapa kering sebanyak USD77.0 juta, diikuti oleh Netherlands (USD56.2 juta) dan Germany (USD35.0 juta). Manakala bagi 2022 pula, nilai eksport dicatatkan lebih tinggi iaitu United States, Netherlands dan Germany masing-masing telah mengimport sebanyak USD160.4 juta, USD102.8 juta dan USD50.7 juta.

Jadual 12: Lima Negara Destinasi Utama Kelapa Kering, 2021-2023

Kelapa Kering (<i>Coconuts, desiccated</i>)						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)
United States	53,568	148,855	54,372	160,369	38,741	76,977
Singapore	33,250	26,044	32,142	23,627	35,599	25,918
Netherlands	34,802	89,567	36,593	102,837	30,583	56,182
Germany	25,245	72,584	18,282	50,717	18,021	34,961
Turkiye	17,832	32,903	19,115	39,301	15,331	20,358

Sumber: *Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database*

Carta 8: Lima Negara Destinasi Utama Kelapa Kering, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database

Import Kelapa (Coconuts, in shell)

Dari segi kuantiti import pada 2023, China merupakan pengimport utama kelapa dengan kuantiti 1.2 juta tan metrik, diikuti oleh Malaysia (272.6 ribu tan metrik) dan Thailand (129.8 ribu tan metrik). Pada 2022, China, Malaysia dan Thailand masing-masing telah mengimport sebanyak 1.1 juta tan metrik, 252.3 ribu tan metrik dan 142.4 ribu tan metrik. [Jadual 13] dan [Carta 9]


Jadual 13: Lima Negara Destinasi Utama Kelapa, 2021-2023

Kelapa (Coconuts, in shell)						
Negara	2021		2022		2023	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai import (USD ribu)
China	872,100	452,177	1,071,083	571,510	1,182,424	581,179
Malaysia	255,347	61,549	252,296	56,379	272,595	49,995
Thailand	196,357	70,428	142,375	41,063	129,824	32,872
United Arab Emirates	51,493	19,274	57,048	21,067	76,578	27,782
United States	48,400	54,468	47,529	56,916	64,896	64,442

Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database

Nilai import tertinggi pada 2023 dicatatkan oleh China dengan nilai import sebanyak USD581.2 juta, diikuti oleh United States (USD64.4 juta) dan Malaysia (USD50.0 juta). Manakala bagi 2022 pula, nilai import dicatatkan lebih tinggi iaitu China, United States dan Malaysia masing-masing dengan nilai USD571.5 juta, USD56.9 juta dan USD56.4 juta.

Carta 9: Lima Negara Destinasi Utama Kelapa, 2021-2023



Sumber: Food and Agriculture Organization Corporate Statistical Database

PURATA HARGA KELAPA

Harga Ladang dan Harga Runcit

Berdasarkan statistik harga rasmi yang disusun oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan di peringkat harga ladang dan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), purata harga kelapa muda dan kelapa dikupas di peringkat ladang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengeluaran dan permintaan.

Purata harga kelapa muda adalah RM1.70/biji pada 2020 dan meningkat kepada RM1.98/biji pada 2022. Namun begitu, purata harga tersebut turun kepada RM1.83/biji pada 2023 dan meningkat perlahan kepada RM1.89/biji pada 2024. Manakala purata harga kelapa dikupas pula mencatatkan RM1.20/biji pada 2020 dan meningkat kepada RM1.23/biji pada 2022. Seterusnya, purata harga kembali terus meningkat kepada RM1.31/biji pada 2024.

[Jadual 14]

Harga kelapa parut di peringkat runcit juga menunjukkan peningkatan daripada RM7.80/biji pada 2022 kepada RM8.02/biji pada 2023 dan terus meningkat kepada RM8.33/biji pada 2024. Purata harga santan segar dan santan cecair kotak juga menunjukkan peningkatan. Santan segar dijual pada purata harga RM10.86/kg pada 2022 dan terus meningkat kepada RM11.09/kg pada 2023 dan RM11.54/kg pada 2024. Bagi santan cecair kotak (200 ml) pula, peningkatan harga purata daripada RM2.96 sekotak pada 2022 kepada RM2.99 sekotak pada 2023 dan RM3.02 sekotak pada 2024.

Jadual 14: Purata Harga Item Kelapa di Peringkat Ladang dan Runcit

Tahun	Bulan	Harga kelapa				
		Harga di Ladang per biji		Harga Runcit		
		Kelapa Muda (per biji)	Kelapa Dikupas (per biji)	Kelapa Parut (per biji)	Santan Segar (kg)	Santan Cecair Kotak (200 ml)
2020	Jan	1.65	1.19	7.44	10.30	2.70
	Feb	1.75	1.19	7.44	10.37	2.71
	Mac	1.75	1.24	7.46	10.52	2.71
	Apr	1.70	1.26	7.46	10.48	2.70
	Mei	1.70	1.24	7.47	10.49	2.70
	Jun	1.65	1.25	7.48	10.61	2.73
	Jul	1.75	1.24	7.46	10.61	2.74
	Ogo	1.70	1.13	7.47	10.55	2.74
	Sep	1.70	1.11	7.49	10.53	2.74
	Okt	1.75	1.18	7.45	10.51	2.75
	Nov	1.70	1.16	7.44	10.50	2.75

Tahun	Bulan	Harga kelapa				
		Harga di Ladang per biji		Harga Runcit		
		Kelapa Muda (per biji)	Kelapa Dikupas (per biji)	Kelapa Parut (per biji)	Santan Segar (kg)	Santan Cecair Kotak (200 ml)
	Dis	1.65	1.24	7.47	10.50	2.75
Purata harga		1.70	1.20	7.46	10.50	2.73
2021	Jan	1.55	1.26	7.47	10.44	2.75
	Feb	1.70	1.27	7.52	10.49	2.77
	Mac	1.70	1.29	7.48	10.58	2.79
	Apr	1.75	1.40	7.50	10.58	2.80
	Mei	1.70	1.26	7.48	10.50	2.80
	Jun	1.70	1.30	7.48	10.56	2.81
	Jul	1.80	1.33	7.49	10.46	2.81
	Ogo	1.90	1.32	7.45	10.55	2.81
	Sep	1.95	1.34	7.52	10.63	2.83
	Okt	2.20	1.39	7.48	10.52	2.84
	Nov	2.10	1.44	7.45	10.54	2.85
	Dis	2.10	1.46	7.49	10.53	2.87
Purata harga		1.85	1.34	7.48	10.53	2.81
2022	Jan	1.95	1.26	7.54	10.62	2.88
	Feb	1.95	1.26	7.60	10.64	2.89
	Mac	1.90	1.24	7.65	10.68	2.92
	Apr	1.90	1.25	7.73	10.72	2.93
	Mei	2.10	1.30	7.78	10.83	2.94
	Jun	1.95	1.23	7.89	10.95	2.97
	Jul	2.00	1.21	7.93	10.98	2.98
	Ogo	2.00	1.19	7.91	11.00	2.99
	Sep	2.00	1.20	7.91	11.01	3.00
	Okt	2.00	1.18	7.88	10.96	3.00
	Nov	2.00	1.20	7.89	10.95	3.00
	Dis	2.01	1.20	7.92	10.96	3.00
Purata harga		1.98	1.23	7.80	10.86	2.96
2023	Jan	1.76	1.35	7.97	10.99	3.00
	Feb	1.80	1.28	7.95	10.94	3.00
	Mac	1.82	1.23	7.99	10.97	2.99
	Apr	1.81	1.28	8.00	11.06	2.96
	Mei	1.79	1.21	8.03	11.10	2.99
	Jun	1.79	1.21	7.97	11.10	3.00
	Jul	1.86	1.23	7.99	11.13	3.00
	Ogo	1.84	1.16	8.04	11.13	3.00
	Sep	1.86	1.16	8.06	11.15	2.99
	Okt	1.87	1.16	8.07	11.16	3.00
	Nov	1.87	1.14	8.05	11.18	3.00
	Dis	1.87	1.16	8.06	11.18	2.99
Purata harga		1.83	1.21	8.02	11.09	2.99
2024	Jan	1.77	1.21	8.05	11.17	3.00
	Feb	1.77	2.09	8.08	11.14	3.00
	Mac	1.75	1.17	8.15	11.23	3.00
	Apr	1.85	1.16	8.17	11.32	3.02
	Mei	1.85	1.18	8.20	11.36	3.02
	Jun	1.76	1.23	8.19	11.36	3.02
	Jul	1.89	1.19	8.19	11.39	3.02
	Ogo	1.92	1.24	8.21	11.31	3.02
	Sep	1.84	1.16	8.09	11.29	3.02

Tahun	Bulan	Harga kelapa			
		Harga di Ladang per biji		Harga Runcit	
		Kelapa Muda (per biji)	Kelapa Dikupas (per biji)	Kelapa Parut (per biji)	Santan Segar (kg) Santan Cecair Kotak (200 ml)
	Okt	1.95	1.17	8.45	11.65 3.03
	Nov	2.01	1.30	8.79	12.20 3.03
	Dis	2.30	1.54	9.39	13.05 3.04
Purata harga		1.89	1.31	8.33	11.54 3.02

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

ISU BEKALAN DAN HARGA

Bekalan dan Harga

Isu harga bukan lagi asing dalam kalangan pengguna yang merasakan peningkatan harga telah berlaku bagi kebanyakan barangan dan perkhidmatan sejak kebelakangan ini. Harga sesuatu barangan boleh dikaitkan dengan permintaan dan penawaran terhadap item tersebut. Dengan permintaan yang lebih tinggi berbanding penawaran, sesuatu barangan itu mempunyai potensi harga yang lebih tinggi dan sebaliknya. Dengan SSR kelapa berada di sekitar 70 peratus, lebihan keperluan perlu diimport untuk memastikan kestabilan bekalan dan harga.

Antara faktor yang mempengaruhi harga kelapa ialah bekalan kelapa tempatan. Pengeluaran kelapa tempatan yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan akibat daripada keadaan cuaca buruk dan musim hujan yang menjejaskan hasil tuaian kelapa turut memberi kesan terhadap harga. Faktor kedua ialah kebergantungan kepada kelapa import. Malaysia mengimport banyak kelapa dari Indonesia, di mana bekalan akan terjejas akibat peningkatan global dan isu logistik. Faktor seterusnya ialah kos pengangkutan. Kenaikan harga minyak dan diesel serta kos pengangkutan lain menyumbang kepada peningkatan harga kelapa dan santan terutamanya apabila peniaga terpaksa menaikkan harga bagi menampung kos operasi yang lebih tinggi.

Isu bekalan dan harga ini juga akan menyebabkan pengguna terpaksa membayar lebih bagi mendapatkan santan yang merupakan antara bahan utama dalam masakan Malaysia. Peniaga kecil seperti penjaja makanan dan pemilik restoran mengalami kesukaran kerana kos bahan mentah yang lebih mahal. Selain itu, peniaga juga terpaksa mengurangkan kuantiti santan dalam masakan mereka atau menaikkan harga makanan berasaskan santan³ ini.

³ Merujuk kepada Berita Harian dan Astroawani bertarikh 25 Februari 2025

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) telah dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (dahulu Akta Kawalan Harga 1946). Di bawah skim ini, beberapa jenis barang keperluan dikenal pasti sebagai barang harga terkawal musim perayaan untuk penetapan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi suatu tempoh tertentu. Skim ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga yang ditetapkan adalah berbeza mengikut kawasan dan daerah. Sehingga kini, musim perayaan yang termasuk dalam skim ini merangkumi Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.

Dalam pelaksanaan SHMMP ini, item yang dikawal adalah bergantung kepada musim perayaan tersebut. Antara barang dan item kawalan tersebut ialah daging tempatan, daging import, telur (gred A, B dan C), ayam hidup, ayam standard, ayam gred super, daging kerbau tempatan, daging kerbau import, kubis bulat import, cili merah, tomato, kelapa parut, bawang besar dan bawang putih.

Intervensi Kerajaan Menangani Isu Bekalan dan Harga

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa bekerjasama dalam memastikan keterjaminan bekalan serta kestabilan harga di peringkat ladang, borong dan runcit bagi memastikan bekalan kelapa mencukupi di pasaran tempatan. Dalam tempoh jangka masa pendek, KPKM³ mengimport dan mengedarkan 661,761 biji kelapa yang bersamaan 661 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM1.45 juta pada Februari 2025. Usaha ini akan diteruskan sehingga bekalan kelapa dalam negara kembali stabil. Antara negara yang mengeksport kelapa tua ke Malaysia ialah Indonesia, Thailand dan Sri Lanka.


Manakala bagi langkah jangka panjang, DOA melaksanakan beberapa inisiatif termasuk program penanaman semula dan penanaman baharu kelapa di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)⁴. Inisiatif ini membabitkan penghasilan pelbagai anak benih kelapa daripada jenis berproduktiviti tinggi seperti kelapa Matag, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD). Selain itu, Kerajaan juga kini sedang mengkaji langkah bagi meningkatkan pengeluaran kelapa tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import.



Di samping itu, pengguna dan peniaga juga disarankan untuk mencari alternatif seperti menggunakan santan segera atau serbuk santan yang lebih murah. Peningkatan harga kelapa dan santan boleh memberi kesan lebih besar kepada ekonomi domestik, terutama dalam sektor makanan dan perniagaan kecil.

³ Merujuk kepada Berita Harian dan Astroawani bertarikh 25 Februari 2025

⁴ Merujuk kepada Pelan Pembangunan RMKe-12 Jabatan Pertanian



JADUAL

Jadual 1 Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Kelapa, Malaysia, 2010-2023

Tahun	Pembekalan				Penggunaan					Penggunaan per kapita			Kadar sara diri (peratus)	Kadar kebergantungan import (peratus)
	Pengeluaran (tan metrik)	Import (tan metrik)	Jumlah Pembekalan (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Benih (tan metrik)	Makanan ternakan (tan metrik)	Kerugian (tan metrik)	Prosesan (tan metrik)	Makanan (tan metrik)	Jumlah Penggunaan (tan metrik)	Kuantiti setahun (kg/tahun)	Kuantiti sehari (g/hari)		
2010	550,140.00	58,710.50	608,850.50	12,263.10	275.10	-	14,914.70	54,702.60	526,695.00	608,850.50	18.40	-	92.20	9.80
2011	562,556.00	77,212.10	639,768.10	55,588.00	281.30	-	14,504.50	53,565.00	515,729.30	639,768.10	17.70	-	96.30	13.20
2012	624,152.00	70,001.70	694,153.70	18,481.70	312.10	-	16,891.80	24,311.40	634,156.80	694,153.70	21.50	-	92.40	10.40
2013	624,727.00	25,017.10	649,744.10	53,126.00	312.40	-	14,915.50	21,466.90	559,923.30	649,744.10	18.50	-	104.70	4.20
2014	595,096.60	67,569.30	662,665.90	47,390.40	297.50	-	15,381.90	22,138.30	577,457.80	662,665.90	18.80	51.50	96.70	11.00
2015	505,613.80	114,859.20	620,473.00	44,900.4	252.80	-	14,389.30	20,709.70	540,220.80	620,473.00	17.30	47.50	87.80	20.00
2016	504,772.50	130,390.20	635,162.70	63,074.00	252.40	-	14,302.20	20,584.40	536,949.80	635,162.70	17.00	46.50	88.20	22.80
2017	517,588.50	165,976.90	683,565.40	20,926.30	258.80	-	16,566.00	23,842.50	621,971.90	683,565.40	19.40	53.20	78.10	25.00
2018	495,531.10	250,126.00	745,657.10	3,401.50	247.80	-	18,556.40	26,707.10	696,744.30	745,657.10	21.50	58.90	66.80	33.70
2019	536,605.70	253,622.20	790,227.90	3,327.50	268.30	-	19,672.50	28,313.50	738,646.10	790,227.90	22.70	62.20	68.20	32.20
2020	560,984.30	286,031.20	847,015.50	4,659.20	280.50	-	21,058.90	30,308.90	790,708.00	847,015.50	24.40	66.80	66.60	34.00
2021	557,353.70	254,455.20	811,808.90	11,025.40	278.70	-	20,019.60	28,813.00	751,672.30	811,808.90	23.10	63.20	69.60	31.80
2022	604,428.40	252,091.40	856,519.80	12,580.70	302.20	-	21,098.50	30,365.80	792,172.60	856,519.80	24.20	66.40	71.60	29.90
2023	623,662.70	271,733.20	895,395.90	8,497.60	311.80	-	22,172.50	31,911.50	832,502.60	895,396.00	24.90	68.30	70.30	30.60

Sumber: Akaun Pembekalan Dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2019-2023

Tahun	Bulan	Kelapa Muda		Selain Kelapa Muda	
		Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)
2010	Jan	528,903	163,965	4,770,000	1,968,970
	Feb	596,737	176,183	2,992,100	1,144,880
	Mac	665,625	202,066	3,735,090	1,573,465
	Apr	529,019	165,979	3,625,220	1,516,756
	Mei	666,093	202,486	2,637,220	1,134,380
	Jun	641,311	196,122	5,316,000	2,280,259
	Jul	644,239	197,595	5,348,000	2,219,930
	Ogos	610,956	188,527	4,353,980	1,710,957
	Sept	611,503	180,742	3,785,000	1,468,298
	Okt	615,305	193,585	4,872,300	1,906,592
	Nov	663,592	191,977	4,559,000	1,792,360
	Dis	709,490	274,219	5,234,000	2,112,550
Jumlah		7,482,773	2,333,446	51,227,910	20,829,397
2011	Jan	497,654	141,697	5,809,538	2,627,751
	Feb	50,857	87,483	5,111,750	2,622,091
	Mac	436,710	112,103	9,856,000	5,174,650
	Apr	88,875	78,480	4,614,200	2,763,730
	Mei	169,600	51,505	5,520,965	3,021,361
	Jun	433,970	116,316	5,490,244	3,049,645
	Jul	505,703	133,669	6,327,488	3,395,795
	Ogos	176,392	276,066	5,374,830	2,753,007
	Sept	65,737	140,303	4,230,000	2,068,720
	Okt	504,125	168,724	7,938,827	4,100,452
	Nov	553,465	201,025	5,478,535	2,438,785
	Dis	696,381	284,371	7,280,240	3,962,669
Jumlah		4,179,469	1,791,742	73,032,617	37,978,656
2012	Jan	719,139	300,400	5,859,000	3,035,400
	Feb	717,200	301,328	5,895,000	3,351,300
	Mac	591,830	174,337	5,871,348	3,193,448
	Apr	595,050	156,148	6,583,000	3,473,000
	Mei	663,137	167,932	5,039,325	2,782,197
	Jun	819,880	258,200	4,590,500	2,575,900
	Jul	741,870	230,648	5,366,800	2,935,243
	Ogos	918,050	400,895	3,946,000	1,952,150
	Sept	751,120	283,287	3,746,200	2,034,550
	Okt	725,365	269,924	4,631,100	2,202,900
	Nov	767,587	306,357	4,588,400	1,893,528
	Dis	856,005	349,660	5,035,000	1,846,900
Jumlah		8,866,233	3,199,116	61,151,673	31,276,516
2013	Jan	703,680	293,142	641,020	2,186,300
	Feb	664,000	341,160	527,480	1,919,620
	Mac	656,200	349,078	5,678,210	2,168,773
	Apr	499,710	250,728	4,845,000	1,722,750
	Mei	682,935	370,146	4,718,600	1,899,541
	Jun	813,860	436,618	112,000	228,800
	Jul	671,860	336,756	120,000	216,000
	Ogos	827,400	432,185	200	886
	Sept	577,000	298,073	121,000	199,369
	Okt	689,210	370,810	0	0
	Nov	573,500	290,973	96,000	172,800
	Dis	643,356	321,685	155,500	226,364
Jumlah		8,002,711	4,091,354	17,015,010	10,941,203
2014	Jan	581,670	306,816	0	0
	Feb	594,230	302,942	108,000	182,800
	Mac	760,010	415,333	25,920	23,342
	Apr	575,120	294,625	1,074,000	1,609,600
	Mei	413,624	212,150	973,200	3,961,190
	Jun	348,650	183,635	8,226,000	3,880,900
	Jul	613,635	322,342	8,086,000	3,762,650
	Ogos	655,020	555,989	6,034,795	2,943,397
	Sept	511,990	262,760	10,480,220	4,605,741
	Okt	539,159	278,580	8,120,000	3,614,800
	Nov	479,770	263,216	10,126,000	4,393,400
	Dis	713,830	483,084	8,012,000	3,655,300
Jumlah		6,786,708	3,881,472	61,266,135	32,633,120

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2Kuantiti dan Nilai Import Tahunan, 2015-2019 (samb.)

Tahun	Bulan	Kelapa Muda		Selain Kelapa Muda	
		Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)
2015	Jan	489,490	263,071	1,100,975	4,344,307
	Feb	541,895	278,394	8,264,000	3,896,100
	Mac	649,880	340,246	10,475,000	5,111,950
	Apr	649,448	341,296	12,240,000	5,757,750
	Mei	366,600	194,871	10,811,000	5,385,750
	Jun	459,240	551,074	9,999,000	4,754,150
	Jul	582,058	866,889	7,849,000	3,775,268
	Ogos	450,860	618,463	8,933,600	4,548,162
	Sept	498,690	432,757	5,160,000	2,768,978
	Okt	405,813	498,129	12,952,000	6,243,650
	Nov	351,585	428,346	10,161,000	5,057,650
	Dis	557,670	747,314	10,916,500	5,921,028
Jumlah		6,003,229	5,560,850	108,862,075	57,564,743
2016	Jan	511,530	563,966	10,631,963	5,726,385
	Feb	485,240	467,831	13,126,000	7,591,080
	Mac	467,985	512,291	13,369,300	7,839,520
